



AmBank Group

SIARAN MEDIA

AMMB JUAL KEPENTINGAN DALAM AMGENERAL INSURANCE KEPADA LIBERTY INSURANCE BERHAD

KUALA LUMPUR (Julai 1, 2022) – Anak syarikat yang dimiliki 51 peratus oleh AMMB Holdings Berhad (“AMMB”), AmGeneral Holdings Berhad (“AGHB”) telah memeterai Perjanjian Jual Beli (“SPA”) bersama Liberty Insurance Berhad (“LIB”), bagi penjualan anak syarikat milik penuh, AmGeneral Insurance Berhad (“AGIB”). Penjualan ini adalah susulan daripada kelulusan yang diterima daripada Menteri Kewangan.

Dengan kelulusan pihak berkuasa yang telah diterima, LIB akan memperoleh 100 peratus saham AGIB. AGIB dimiliki 51 peratus oleh AMMB dan 49 peratus oleh Insurance Australia Group (“IAG”). Setelah selesai penjualan ini, AMMB akan menerima bahagian hasil jualannya dalam bentuk wang tunai dan ekuiti, di mana AMMB akan memperolehi 30 peratus kepentingan dalam perniagaan AGIB dan LIB.

Sebagai sebahagian daripada perjanjian tersebut, AMMB akan memeterai kerjasama bankasurans baharu selama 20 tahun bagi pengedaran produk insurans am. Operasi AGIB dan LIB akan digabungkan secara rasmi pada tarikh yang akan nanti.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AMMB, Dato’ Sulaiman Mohd Tahir berkata, “Kumpulan AmBank berbesar hati untuk meneruskan penjualan strategik

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group
Level 21, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur

☎ 03-2036 1703

🌐 ambankgroup.com

📘 AmBank

📷 [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

🐦 AmBankMY

Customer Care:

☎ 03-2178 8888

✉ customercare@ambankgroup.com



AmBank Group

SIARAN MEDIA

perniagaan insurans am ini. Sememangnya, kehadiran peneraju pasaran global yang kukuh seperti Liberty adalah penting bukan sahaja dalam memacu perniagaan insurans am kami ke arah pertumbuhan yang lebih mampan, malah memberi peluang yang baik untuk kami terus menerajui segmen ini.”

“Hasil daripada penjualan ini dan penggabungan operasi selepas ini, kami akan berupaya untuk memanfaatkan kelebihan kami yang saling melengkapkan untuk terus memacu pertumbuhan pesat dalam pasaran insurans tempatan, dan menerusi usahasama, kami berhasrat untuk menjadi pembekal insurans motor terbesar dan pembekal insurans harta benda dan kemalangan yang terkemuka di Malaysia.”

Berpangkalan di Kuala Lumpur, LIB disokong oleh 450 warga kerja dari enam pejabat serantau dan 24 cawangan di seluruh negara. Syarikat ini menawarkan produk insurans peribadi, komersial dan produk lain melalui saluran yang luas termasuk 2,000 ejen insurans, pemegang francais, pengedar kereta dan rakan kongsi bankasurans. LIB bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang mudah dan tanpa kerumitan yang boleh diakses dengan mudah dari mana sahaja.

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group
Level 21, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur

☎ 03-2036 1703

🌐 ambankgroup.com

📘 AmBank

📷 [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

🐦 [AmBankMY](https://twitter.com/AmBankMY)

Customer Care:

☎ 03-2178 8888

✉ customercare@ambankgroup.com



AmBank Group

SIARAN MEDIA

About AmBank Group

AmBank Group is a leading financial services group with over 40 years of expertise in supporting the economic development of Malaysia. We have over three million customers and employ over 9,000 people.

The Group was listed on the Main Market of Bursa Malaysia in 1988. It is the sixth-largest banking group by assets in Malaysia, with a market capitalisation of more than RM12 billion as at 31 March 2022.


AmBank Group serves over three million individual and corporate customers. It provides services in wholesale banking, retail banking, business banking, investment banking and related financial services which include Islamic banking, underwriting of

general insurance, stock and share broking, futures broking, investment advisory and management services in assets, real estate investment trust and unit trusts.

For more information, please visit www.ambankgroup.com


For further information, please contact Syed Anuar Syed Ali, Executive Vice President, Group Corporate Communications and Marketing, AmBank Group at Tel: 03-2036 1703 or email at sasa@ambankgroup.com

Issued by Media Relations Unit, Group Corporate Communications & Marketing, AmBank Group
Level 21, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur

 03-2036 1703


 ambankgroup.com

 AmBank

 [ambankmy](https://www.instagram.com/ambankmy)

 AmBankMY

Customer Care:

 03-2178 8888

 customercare@ambankgroup.com